

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan tentang dua komponen penting dalam kajian ini iaitu; kemahiran sebutan dan kaedah transliterasi. Bagi komponen yang pertama, bab ini akan menghuraikan bentuk-bentuk kesalahan sebutan bahasa Arab serta kesannya. Manakala bagi komponen kedua, bab ini akan menjelaskan tentang prinsip-prinsip transliterasi serta kaedah-kaedahnya.

Di akhir bab ini, penulis akan membuat perbincangan mengenai penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan yang berkaitan dengan tajuk ini.

2.2 Bentuk-bentuk kesalahan sebutan bahasa Arab

Menurut Mohd Azidan (2004) terdapat enam bentuk kesalahan sebutan bahasa Arab yang disebabkan gangguan bunyi daripada bahasa pertama iaitu bahasa Melayu:

1. Memindahkan cara sebutan konsonan bahasa pertama ke dalam bunyi bahasa Arab :

Terdapat beberapa sebutan konsonan Arab yang hampir sama dengan sebutan konsonan dalam bahasa Melayu di mana perbezaan yang sedikit ini menyebabkan pelajar memindahkan cara sebutan dalam bahasa Melayu ke dalam sebutan bahasa Arab. Sebagai contoh, menyebut konsonan /ق/ dengan sebutan konsonan /k/.
2. Menyebut konsonan *itba:q*

Pelajar menghadapi masalah dalam menyebut konsonan-konsonan *iṭba:q* dalam bahasa Arab dengan tepat. Ini kerana konsonan-konsonan ini tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Konsonan-konsonan *iṭba:q* termasuklah /ظ/, /ظ/, /ص/ dan /ض/.

3. Sebutan *tarqi:q* (nipis) dan *tarkhi:m* (tebal)

Sebutan bunyi-bunyi Arab dalam keadaan nipis di mana sebahagian besar pangkal lidah tidak terangkat ke langit tidak mendatangkan masalah kepada pelajar. Akan tetapi, mereka menghadapi kesukaran untuk menyebut bunyi-bunyi tebal, iaitu sebahagian besar pangkal lidah terangkat ke langit.

4. Keliru dengan sebutan antara konsonan-konsonan Arab

Pelajar seringkali keliru dengan bunyi-bunyi konsonan Arab di mana pada pandangan mereka sebutan bunyi-bunyi tersebut adalah sama antara satu sama lain. Sebagai contoh, konsonan ت dan ط

5. Vokal pendek dan panjang

Vokal panjang tidak terdapat dalam sistem bahasa Melayu. Perkara ini menyebabkan penutur tidak dapat menyebut vokal Arab dengan betul, kadangkala vokal pendek disebut panjang ataupun vokal panjang disebut pendek.

6. Tidak dapat mengenal pasti sebutan vokal yang sebenar

Kebanyakan pelajar khususnya pada peringkat permulaan menghadapi masalah dalam menyebut vokal-vokal yang terdapat dalam perkataan dengan tepat. Ini kerana vokal-vokal Arab tidak ditulis dalam bentuk abjad,

sebaliknya dilambangkan dengan baris atau *harakat* seperti *fathah* , *kasrah* dan *dhammah* .

Manakala menurut Kashash (1998, p. 51), kesilapan dalam sebutan fonem-fonem bahasa Arab terjadi dalam beberapa bentuk:

- 1) Penggantian fonem dengan fonem yang hampir sama dengannya, seperti

خَيْرٌ dan غَيْرٌ

- 2) Penggantian fonem dengan fonem yang lain, seperti صَابُونَ dan سَابُونَ.

- 3) Mendahulukan sesuatu fonem daripada fonem yang lain, seperti طَمَّانٌ dan

طَأْمَنَ

- 4) Menukarkan kedudukan fonem-fonem, seperti المرزَبَانِي dan المِرزَبَانِي

Mohd Nasir (2001) telah menyenaraikan beberapa aspek kesilapan sebutan berdasarkan analisis yang telah dibuat melalui kajian yang dilakukan. Aspek-aspek tersebut ialah:

1. Kesilapan sifat dan makhraj huruf.
2. Kesilapan bertukar huruf.
3. Kesilapan panjang pendek perkataan.
4. Kesilapan bertukar baris.
5. Kesilapan menambah huruf.
6. Kesilapan membuang huruf.

2.3 Kesan Kesalahan dalam Sebutan Bahasa Arab

Kesalahan dalam sebutan bahasa Arab yang sering terjadi ialah kesalahan fonem. Fonem dalam istilah linguistik menurut Kamus Linguistik (1997, p. 74) bermaksud unit terkecil abstrak yang membezakan makna, jika berdasarkan fungsi. Seperti perkataan palang dan galang, fonem /p/ dan /g/ adalah berbeza.

Sebutan fonem hendaklah menepati makhraj atau daerah artikulasi dan jelas kepada pendengar. Kesalahan fonem boleh mengakibatkan kesalahan dalam makna. Sebagai contoh, pertukaran fonem /ت/ [t] dan /ط/ [ṭ] boleh membawa makna yang berbeza. Kata تين membawa maksud buah tin, manakala kata طين membawa maksud tanah liat. Selain itu, pertukaran antara fonem /س/ dengan /ص/ juga boleh membawa maksud yang berlainan, dimana perkataan سورة membawa maksud surah dalam al-Quran, manakala perkataan صورة pula bermaksud gambar.

Apa yang lebih dikhuatiri, apabila maksud perkataan yang disebut jauh menyimpang dari maksud perkataan yang dikehendaki dan tidak sedap pada pendengaran makna. Sebagai contoh, perkataan قَلْبٌ bermaksud hati dan perkataan كَلْبٌ pula bermaksud anjing. Oleh itu, sebutan sesuatu fonem hendaklah tepat mengikut makhraj atau tempat artikulasinya supaya tidak terjadi kekeliruan dari segi makna (Abd. Rahman, 1999).

2.4 Tujuan Penggunaan Transliterasi

Penggunaan kaedah transliterasi mempunyai keistimewaan tersendiri apabila ia digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terutamanya di UiTM. Panel penulis Unit Bahasa Arab UiTM (2004, p. vii) telah menjelaskan bahawa terdapat empat tujuan penggunaan transliterasi iaitu;

- 1) Memupuk minat pelajar terhadap bahasa Arab.
- 2) Membantu dan memudahkan pelajar mempelajari bahasa Arab.
- 3) Memberi peluang kepada semua pelajar muslim dan bukan muslim untuk mempelajari bahasa Arab.
- 4) Membina keyakinan pelajar terutama dalam kemahiran bertutur dan menyebut perkataan Arab.

2.5 Prinsip-prinsip Transliterasi

Terdapat beberapa prinsip yang perlu diberi perhatian dalam mengguna pakai transliterasi. Menurut Stone (1997) prinsip-prinsip tersebut ialah:

- 1) Boleh dibaca : karya yang ditransliterasi seharusnya lebih senang dan cepat dibaca.
- 2) Konsisten : setiap simbol yang mewakili setiap konsonan dan vokal harus konsisten penggunaannya.
- 3) Kehampiran (*Approximation*) : simbol yang digunakan hendaklah hampir dengan bunyi yang diwakili.

- 4) Ekonomi : bilangan simbol hendaklah dalam bilangan yang paling minima.
- 5) Elegan : prinsip elegan juga penting kerana ia akan mempengaruhi kebolehbacaan sesuatu simbol. Konsep 'berat' dan 'ringan' juga relevan. Contohnya, simbol 'ph' lebih berat berbanding penggunaan simbol 'f'. Konsep ini juga ada kaitan dengan kelajuan menaip.
- 6) Keterbalikan separa (*partial reversibility*) : dua segmen yang serupa atau mempunyai tulisan ortografi alternatif daripada teks sumber, transliterasi (dalam teks sasaran) seharusnya sama.
- 7) Keseragaman (*uniformity*) : dua segmen daripada teks skrip sasaran yang berasal daripada dua sumber skrip yang berlainan haruslah diwakili oleh simbol transliterasi yang sama.
- 8) Kompromi : satu simbol mungkin mempunyai makna yang berbeza tanpa interpretasi tertentu. Namun ia juga boleh digunakan atas prinsip kompromi.

2.6 Kaedah Transliterasi Bahasa Arab

Buku Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1984 ialah satu-satunya pedoman rasmi yang dihasilkan untuk menetapkan satu aturan tentang proses transliterasi huruf Arab kepada huruf rumi tanpa mengubah bahasa atau sebutan asal iaitu bahasa Arab (Ali, 1984).

Di Malaysia, proses transliterasi daripada huruf jawi kepada huruf rumi telah bermula sejak awal kurun ke-19. Ismail (1991) telah menulis tentang sejarah proses transliterasi dari tulisan jawi kepada tulisan rumi. Beliau telah mengemukakan beberapa masalah yang dihadapi dalam proses ini pada peringkat permulaan, sebahagian besarnya disebabkan oleh ketidakcukupan huruf vokal dalam sistem tulisan jawi yang dipinjam daripada bahasa Arab untuk melambangkan semua bunyi vokal bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat masalah standardisasi yang melibatkan sistem transliterasi huruf Arab-rumi. Muhammad Isa (1997) telah menegaskan bahawa fenomena ketidakseragaman ejaan dalam tulisan rumi bagi kalimah Arab perlu diberi perhatian serius memandangkan ia merupakan satu gejala pencemaran dalam bahasa Melayu. Tambahan pula, kesalahan transliterasi yang serius boleh merosakkan kejatian ideograf bahasa sumber iaitu bahasa Arab sekaligus boleh memesongkan maknanya.

Oleh itu, Muhammad Bukhari (1999) telah mencadangkan penggunaan kaedah transliterasi huruf Arab ke huruf Latin yang disediakan oleh Ali (1984). Walau bagaimanapun, setiap institusi pengajian di Malaysia mempunyai sistem transliterasi yang tersendiri.

2.6.1 Sistem Transliterasi Bahasa Arab Yang Digunakan di UiTM

Unit Bahasa Arab UiTM telah membuat penambahan dan pembaharuan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di UiTM yang bertujuan untuk membina kemahiran yang maksimum dari aspek bahasa kepada para pelajar (UiTM, 2004, p. vii).

2.6.1.1 Sistem tulisan rumi untuk konsonan

Sistem transliterasi untuk konsonan ditunjukkan dalam jadual 2.5.1.1 di bawah;

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	Transliterasi
أ/ا	a	أَكْتُبُ	aktub
ب	b	بَدَلْ	badala
ت	t	تَمْر	tamr
ث	<u>th</u>	ثَوْرَة	<u>thawratt</u>
ج	j	جَمَل	jamal
ح	<u>h</u>	حَدِيث	<u>hadīth</u>
خ	<u>kh</u>	خَرَجَ	<u>kharaja</u>
د	d	دَرَسَ	dars
ذ	<u>dh</u>	مَذْهَب	mad <u>h</u> hab
ر	r	رَحِيم	rahīm

ز	z	زَمَزَم	zamzam
س	s	سَيْرَة	sīratt
ش	<u>sh</u>	شَمْس	<u>sh</u> ams
ص	<u>s</u>	صَبْر	<u>s</u> abr
ض	<u>d</u>	ضَمِير	<u>d</u> amīr
ط	<u>t</u>	طَالِب	<u>t</u> ālib
ظ	<u>z</u>	ظُهْر	<u>z</u> ahr
ع	□	عَيْن	'ayn
غ	<u>gh</u>	غَيْب	<u>gh</u> ayb
ف	f	فِقْه	fiqh
ق	q	قَلَم	qalam
ك	k	كَأْس	ka's
ل	l	لَبَن	laban
م	m	مَلْعَب	mal'ab
ن	n	نَوْم	nawm
و	w	وَالِد	wālid
ه	h	هَرَم	haram
ء	□	سَأَلَ	sa'ala
ي	y	يَسَار	yasār
ة	<u>tt</u>	طَالِبَة	tālib <u>tt</u>

2.6.1.2 Sistem tulisan rumi untuk vokal

Vokal ada dua jenis, iaitu vokal pendek dan vokal panjang:

a) vokal pendek

Tanda Baris	Huruf Rumi	Contoh Asal	Transliterasi
◌َ	a	كَتَبَ	kataba
◌ِ	i	لَعِبَ	la'ib
◌ُ	u	كُرَّة	kuratt

b) vokal panjang

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh Asal	Transliterasi
ا/آ	ā	كِتَاب	kitāb
ي	ī	حَدِيث	ḥadīth
و	ū	حُرُوف	ḥurūf

2.6.1.3 Sistem tulisan rumi untuk diftong

Huruf yang berbaris di atas (fathatt) bersambung dengan huruf ya' (ي)

atau waw (و) yang berbaris mati.

Ejaan Arab	Huruf Rumi	Transliterasi
قَوْل	aw	qawl
سَيْف	ay	sayf
عَدُوّ	uw	'aduww

2.6.1.4 Tanda sengkang

Tanda sengkang digunakan untuk memisahkan partikel (ال) dengan kata nama. Ia ditambah pada permulaan kata nama yang bermula dengan konsonan qamariyyatt dan konsonan shamsiyyatt.

a) konsonan qamariyyatt (أ، ي، و، ه، م، ك، ق، ف، غ، ع، خ، ح، ج، ب)

Contoh Asal	Transliterasi
الْقَوْلُ	al-qawl
الْكِتَابُ	al-kitāb
الْحَدِيثُ	al- <u>h</u> adīth
الْحُرُوفُ	al- <u>h</u> urūf

b) konsonan shamsiyyatt

(ت، ث، د، ذ، ر، ز، س، ش، ص، ض، ط، ظ، ل، ن)

Contoh Asal	Transliterasi	Sebutan
الشَّمْسُ	al-shams	ash-shams
الثَّالِثُ	al-thā ^l ith	ath-thā ^l ith
الرَّجَعِيُّ	al-raj'iy	ar-raj'iy

2.6.1.5 Tanwin

Contoh Asal	Transliterasi
كِتَابًا	kitābun
كِتَاباً	kitāban
كِتَابٍ	kitābin

2.7 Penyelidikan yang Berkaitan

Bahasa Arab adalah bahasa yang sangat indah serta istimewa kerana al-Quran juga diturunkan dalam bahasa tersebut. Ramai yang berminat untuk mempelajarinya termasuklah orang bukan Islam, tetapi sering tertanya-tanya tentang skrip dan sebutannya. Tambahan pula, antara masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar bahasa Arab ialah bagaimana untuk menulis dan menyebut perkataan dalam bahasa ini dengan betul.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing, transliterasi merupakan alat bantu yang sangat praktikal, khususnya bagi pelajar-pelajar yang menggunakan sistem huruf yang berlainan dengan bahasa asing yang dipelajari. Dalam konteks pengajaran bahasa Arab di Malaysia, adalah sangat mendukacitakan bahawa tidak terdapat buku yang mengajar tentang sebutan bahasa Arab dan bagaimana mengaitkan tulisan bahasa Arab dengan cara sebutan yang betul. Perkara ini telah dinyatakan oleh Zaidan (1995) dalam bukunya yang bertajuk *Drills in Arabic Writing and Pronunciation*.

Azman (2004) di dalam artikel yang bertajuk *Transliteration from Arabic Script for Learning Purpose* menjelaskan bahawa penggunaan transliterasi adalah untuk menulis sesuatu istilah yang tidak ada dalam sesuatu bahasa. Transliterasi bahasa pula digunakan secara meluasnya untuk menghuraikan kata-kata secara fonetik. Dalam konteks pembelajaran, ia dapat membantu pelajar-pelajar menyebut dengan lebih tepat. Walaupun kaedah transliterasi telah digunakan secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing, tetapi penggunaannya di dalam buku teks bahasa Arab di

Malaysia masih baru. Oleh sebab itu, kajian yang dijalankan tentang penggunaan kaedah ini dalam pengajaran Bahasa Arab juga sangat sedikit.

Unit Bahasa Arab UiTM telah memperkenalkan satu pendekatan baru dalam pengajaran Bahasa Arab iaitu kaedah transliterasi pada tahun 2001. Tujuan kaedah ini diperkenalkan ialah untuk menarik minat mempelajari Bahasa Arab serta membantu pembelajaran supaya menjadi lebih menarik dan mudah. Memandangkan UiTM merupakan institusi pertama yang menggunakan kaedah ini dalam buku teks Bahasa Arab, maka kajian yang bertajuk *Penggunaan Kaedah Transliterasi dalam Buku Teks Bahasa Arab: Satu Kajian Kes* telah dilakukan bagi mengkaji kebaikan dan kelemahannya (Ahmad Marzuki, et al., 2006).

Secara khususnya, kajian bertujuan untuk meninjau sejauh manakah penggunaan transliterasi di kalangan para pelajar, mengenal pasti adakah ianya kaedah yang efektif untuk membantu proses pembelajaran serta mencadangkan penambahbaikan dalam kaedah tersebut bersesuaian dengan matlamat pembelajaran bahasa Arab di UiTM.

Melalui data yang diperolehi daripada pensyarah, penyelidik berpendapat bahawa kaedah ini tidak banyak membantu pelajar, khususnya pelajar Melayu Islam. Walaupun begitu, sebilangan kecil pelajar mungkin masih memerlukan kaedah ini. Manakala melalui data yang diperolehi melalui para pelajar, penyelidik mendapati latar belakang pelajar mempengaruhi penggunaan kaedah ini sebagai alat bantu mereka.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kaedah transliterasi yang diperkenalkan tidak memainkan peranan yang besar dalam membantu penguasaan bahasa Arab pelajar. Tambahan pula, penerapan kaedah ini dianggap tidak relevan

kerana bahasa Arab bukanlah asing kepada masyarakat beragama Islam. Berdasarkan dapatan ini, para penyelidik telah mengemukakan beberapa saranan, antaranya penggunaan kaedah ini perlu dinilai semula oleh panel penulis buku teks. Walau bagaimanapun, kaedah ini perlu dilihat dari sudut positif di mana ia lebih berkesan untuk tujuan kemahiran lisan. Oleh itu, kajian yang khusus berkaitan penggunaan kaedah ini dalam penguasaan lisan perlu dilakukan.

Kajian yang bertajuk *Keberkesanan Kaedah Transliterasi dalam Bahasa Arab dan Mandarin* (2007) yang dilakukan oleh Azman dan Goh merupakan kajian susulan yang dilakukan setahun selepas kajian pertama selesai. Penyelidikan ini dilakukan bertujuan untuk meninjau sejauh mana kaedah transliterasi dapat memanfaatkan pembelajaran bahasa asing tanpa menjejaskan keberkesanan pembelajaran dan kegunaannya pada masa kelak. Ia merupakan satu kajian perbandingan tentang keberkesanan kaedah ini di dalam pengajaran bahasa asing di UiTM cawangan Dungun iaitu bahasa Arab dan bahasa Mandarin.

Kajian ini dilakukan berdasarkan enam aspek iaitu keberkesanan kaedah transliterasi dari segi pembelajaran sebutan, pembelajaran kosa kata, kegunaan dari segi oral, penulisan, kegunaannya dalam memperolehi kemahiran produksi bahasa dan juga kegunaannya pada masa kelak.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati pelajar-pelajar Bahasa Mandarin berpandangan lebih positif tentang keberkesanan kaedah transliterasi dalam membantu proses pembelajaran mereka berbanding pelajar-pelajar bahasa Arab. Dapatan kajian juga menyatakan pelajar-pelajar bahasa Mandarin lebih banyak menggunakan transliterasi sebagai alat bantu dalam pembelajaran mereka. Penyelidik mengakhiri

kajian beliau dengan mengemukakan beberapa strategi pengajaran untuk pengukuhan menggunakan kaedah transliterasi dan tip-tip untuk memaksimumkan keberkesanan pengaplikasian kaedah transliterasi.

Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing, aspek sebutan boleh dikatakan sebagai satu aspek yang seringkali diabaikan. Hal ini juga berlaku sama ada di dalam penulisan serta kajian yang kurang memberikan tumpuan kepada aspek sebutan. Ia mungkin disebabkan anggapan bahawa sebutan adalah kurang keutamaannya dalam komunikasi serta beberapa faktor lain (Porter, 1999).

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kajian-kajian yang dilakukan dalam aspek sebutan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Banyak kajian dilakukan untuk mencari dan memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran sebutan di dalam sesuatu bahasa. Otlowski (1998) telah menulis tentang apa yang diharapkan dalam pengajaran dan pembelajaran sebutan bahasa asing di dalam artikelnya yang bertajuk *Pronunciation: What Are the Expectations?*.

Di dalam artikel ini, beliau menimbulkan persoalan, adakah patut untuk kita menaruh harapan yang tinggi dalam pembelajaran sebutan di dalam bahasa asing? Beliau telah membicarakan tentang peranan sebutan dalam program bahasa asing, kajian-kajian dan idea-idea yang terbaru tentang isu ini serta telah mencadangkan beberapa peranan yang sepatutnya dimainkan oleh guru dan pelajar di dalam pengajaran dan pembelajaran sebutan.

Pertukaran fokus dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa daripada yang berpusatkan guru (*teacher-centered*) kepada proses yang berpusatkan pelajar

(*learner-centered*) telah memberi kesan dalam pembelajaran sebutan. Antara idea-idea baru yang dikemukakan ialah keperluan untuk menggabungkan sebutan dengan komunikasi lisan, penekanan kepada keperluan pelajar secara individu, memajukan strategi-strategi pengajaran dan memperkenalkan konsep pembetulan rakan sebaya (*peer correction*) serta interaksi berkumpulan.

Beliau juga menyatakan bahawa pendekatan komunikasi dalam pengajaran sebutan memerlukan metodologi dan objektif yang melibatkan penglibatan seluruh individu tersebut (*whole-person learner involvement*).

Selain itu, Membeczka (2008) telah menjalankan kajian tindakan yang bertajuk *Improving Students' Pronunciation By Means Of Retelling And Reading Aloud Activities*. Beliau telah menekankan tentang peranan sebutan dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing, faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan sebutan di kalangan pelajar serta turut menyenaraikan beberapa masalah yang dihadapi ketika mempelajari sebutan bahasa asing.

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran sebutan ialah umur, di mana kanak-kanak lebih senang mempelajari sebutan bahasa asing berbanding orang dewasa. Selain itu, masa pendedahan pelajar kepada bahasa asing tersebut juga memainkan peranan. Lebih lama pelajar didedahkan kepada sesuatu bahasa, lebih cepat mereka mempelajari sebutan dalam bahasa tersebut. Kebolehan fonetik semula jadi juga mempengaruhi faktor pembelajaran sebutan.

Terdapat juga faktor-faktor lain yang telah dijelaskan oleh Membeczka, antaranya sikap pelajar terhadap bahasa tersebut, motivasi dan juga bahasa pertama seseorang pelajar serta hubungannya dengan bahasa yang dipelajari

Di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, Antar (2006) telah menulis tentang cara-cara mengatasi masalah yang menyebabkan kesulitan kepada pelajar-pelajar dalam mempelajari sebutan bahasa Arab. Artikelnya yang bertajuk *The Arabic Sound System and Teaching Pronunciation* menyarankan guru-guru untuk menerangkan bunyi-bunyi yang diajar dengan menjelaskan cara-cara mengeluarkan bunyi-bunyi serta organ-organ yang terlibat untuk menghasilkan bunyi tersebut.

Selain itu, pepadanan yang minimum (*minimal pairs*) iaitu dengan menyebut perkataan yang mempunyai dua huruf yang hampir sama. Kemudian, pelajar disuruh meneka huruf apakah yang disebut dalam perkataan tersebut. Cara ini sangat bagus untuk melatih pelajar-pelajar supaya sensitif dengan bunyi-bunyi yang didengari seterusnya dapat membezakan bunyi-bunyi tersebut.

Pada tahap yang lebih tinggi, pelajar-pelajar dilatih dengan sebutan yang bermakna (*meaningful pronunciation*). Latihan untuk melengkapkan ayat sesuai diberikan kepada pelajar-pelajar tersebut. Seterusnya, pelajar-pelajar boleh dilatih untuk menyebut perkataan yang susah untuk disebut, kemudian membentuk ayat dengan menggunakan perkataan-perkataan tersebut.

Issraq (2004) telah membuat kajian yang bertajuk *Pengaruh Unsur Fonologi Dialek Melayu Sabah dalam Sebutan Bahasa Arab*. Di dalam kajian ini, beliau telah mendapati bahawa teori gangguan bahasa pertama atau peminjaman linguistik tetap

wujud di dalam diri pelajar-pelajar yang secara langsung menjejaskan sebutan mereka di dalam bahasa Arab.

Kajian ini telah merumuskan terdapat tujuh masalah yang berlaku berkaitan dengan pengaruh dialek Sabah dalam sebutan bahasa Arab. Antaranya latar belakang pelajar, sikap dan minat pelajar dalam mempelajari bahasa Arab, strategi pengajaran daripada guru dan pengabaian pengajaran dan pembelajaran sebutan. Selain itu, gangguan bahasa banyak terjadi pada fonem-fonem yang tidak terdapat dalam bahasa ibunda pelajar dan kurangnya pendedahan terhadap bahasa Arab di kalangan pelajar turut menjadi masalah.

Walau bagaimanapun, penulis mendapati kajian dan penulisan tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menggunakan transliterasi sangat terbatas di dalam kitab-kitab bahasa Arab. Ini kerana kebanyakan tokoh-tokoh dalam bidang ini tidak bersetuju dengan penggunaan kaedah ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kita juga dapat melihat perbezaan pendapat antara ulama'-ulama' dalam bidang *Ulum Al-Quran* tentang penggunaan transliterasi dalam penulisan ayat-ayat al-quran sehingga ada yang mengharamkannya walaupun bagi tujuan pembelajaran pada peringkat asas.

2.8 Penutup

Melalui kajian literatur yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa pelbagai kajian telah dilakukan berkenaan dengan penggunaan kaedah transliterasi dan juga proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran sebutan dalam bahasa asing. Walau bagaimanapun, kajian yang mengaitkan perhubungan kedua-dua item ini sangat kurang didapati khususnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing di Malaysia.

Oleh itu, pada pengamatan penulis, kajian lanjut hendaklah dilakukan untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bukan sahaja kepada pelajar Melayu beragama Islam, tetapi juga kepada bangsa lain yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab.